



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (109-125)

### Struktur Tema Dalam Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum Ke-14

<sup>1</sup>Muhammad Faizul Abd Hamid & <sup>2</sup>Harishon Radzi  
reach.faizul@gmail.com, naslin@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,

Tarikh terima : 25 Mei 2020  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 2 Jun 2020  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020  
*Published online*

---

#### Abstrak

Bahasa secara umumnya dilihat sebagai syarat yang perlu ada dalam kehidupan manusia untuk menjayakan aktiviti sosial. Dari perspektif ucapan, bahasa digunakan untuk berbagai-bagai tujuan seperti melahirkan buah fikiran, berkomunikasi, menyebarkan ideologi dan mempengaruhi khalayak ramai. Ucapan yang berkesan lazimnya mempunyai gabungan maklumat yang teratur melalui binaan struktur tema yang dikemali sebagai tema dan rema. Penggunaan tema dan rema membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat menjadi lancar dan tidak tergantung. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis struktur binaan tema dan menjelaskan fungsi penggunaannya dalam teks manifesto pakatan Harapan sewaktu menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14). Data teks ucapan telah dimuat turun oleh pengkaji melalui portal rasmi Pakatan Harapan pada 10 Januari 2020 Mac 2019 – [http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku\\_Harapan.pdf](http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku_Harapan.pdf). Penyelidikan ini merupakan kajian berbentuk analisis dokumen yang menggunakan kaedah kualitatif. Kerangka pemikiran pergerakan tematik (*thematic progression*) yang diilhamkan oleh Danes (1974) telah dijadikan pegangan sepanjang proses penyelidikan dilakukan. Berdasarkan hasil kajian, terdapat tiga jenis binaan struktur tema yang digunakan oleh pewacana iaitu, tematik linear (*zig-zag*), tematik tema kekal dan tematik tema daripada hipertema. Kolaborasi ketiga-tiga binaan struktur tema dalam teks manifesto menunjukkan bahawa pola-pola ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan makna teks manifesto yang kontekstual, tersusun dan mudah diterima oleh pengguna bahasa. Hal ini demikian, pola susunan maklumat yang dijalinan dapat menstruktur satu aliran huraian maklumat yang logik dan sistematik kepada khalayak.

Kata kunci: manifesto, Pakatan Harapan, pergerakan tematik, tema, rema

**Abstract**

Language is generally seen as a necessary rule in human life to make social activities successful. From the perspective of speech, languages are used for a variety of purposes such as giving thoughts, communicating, disseminating ideologies and influencing the public. Effective speeches typically have a compromise of orderly information through a pattern of informational compilation as a theme and rheme. The use of theme and rheme allows the verses in a paragraph to be well organized until the sequence of information is smoothly delivered and independent. Therefore, this paper aims to identify the type of pattern of information arrangement and clarify its usage in the Pakatan Harapan Manifesto speech text during the 14th general election. The data of the speech text in Malay language was downloaded by the researcher through the Pakatan Harapan on January 10th, 2020 - [http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku\\_Harapan.pdf](http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku_Harapan.pdf). This research is a document analysis study using qualitative method. The theory of the thematic progression that was introduced by Danes (1974) was used throughout the research process. Based on the results of the study, there are three types of thematic patterns used by the speaker, namely, linear thematic (zig-zag), perpetual theme thematic and thematic theme from hypertheme. The collaboration of all three thematic patterns shows that these patterns play an important role in creating contextual, structured and easy-to-read manifesto speech text. In this way, the pattern of thematic is able to structure a logical and systematic flow of information dissemination to the public.

Keywords: manifesto, Pakatan Harapan, thematic progression, theme, rheme

**1. Pengenalan**

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018 telah menyaksikan Barisan Nasional (BN) yang memerintah kerajaan selama 60 tahun sejak awal penubuhan Persekutuan Malaysia tumbang kepada sebuah perikatan baharu iaitu Pakatan Harapan – Gabungan parti Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Amanah Negara (Amanah) dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Walaupun tanggapan awal BN mampu menang berdasarkan kerjasama di antara UMNO-PAS, persempadanan semula kawasan pilihan raya dan penarikan diri PAS dari Pakatan Harapan (Muhammad Nadzri Mohamed Noor, 2018). Namun, keputusannya jelas tidak memihak kepada BN apabila Pakatan Harapan meraih 113 kerusi majoriti sehingga melayakkan parti ini membentuk kerajaan persekutuan Malaysia yang baharu sekali gus menamatkan era pemerintahan BN. Kejayaan besar ini telah mencipta sejarah dalam arena politik dunia. Pelbagai faktor kemenangan besar ini telah diperdebatkan oleh pakar-pakar seperti kehebatan pengerusi baharu Pakatan Harapan iaitu Tun Dr. Mahathir yang sebelumnya telah mentadbir negara Malaysia selama 20 tahun, faktor pengundi dalam kalangan generasi muda, transisi ideologi kontra hegemoni, faktor persempadanan dan sebagainya. Namun, perdebatan ini hanya berlegar dalam kerangka pemikiran sosiologi, sains politik atau pendapat-pendapat umum di media massa.

Berbeza daripada pandangan dan perdebatan yang diketengahkan tersebut, kajian ini berhasrat meneliti kejayaan Pakatan Harapan dari satu perspektif yang berlainan, iaitu cara parti berkenaan menguruskan bahasa mereka bagi mencapai kuasa pemerintahan negara melalui manifesto sebelum menghadapi PRU-14. Manifesto merujuk kepada pernyataan bertulis atau teks ucapan yang disampaikan kepada khalayak ramai tentang strategi, program dan perkara yang ingin ditawarkan oleh sesebuah parti politik sebelum bertanding dalam pilihan raya (Idris Aman, 2014). Oleh itu, manifesto diperkiran sebagai alat komunikasi politik yang digunakan oleh parti politik dengan bakal pengundi. Faktor penting bagi kejayaan pertarungan politik sangat berkait rapat dengan pengurusan bahasa (Chilton, 2004). Hal ini demikian, Fairclough (2005) mendakwa bahawa “*language is becoming an increasingly prominent element of the practices of politics and government*”. Ringkasnya, bahasa sangat penting dalam politik dan kerajaan serta sering diperlihatkan melalui perbezaan dalam bahasa. Terdapat juga pertarungan politik melalui bahasa siapa yang paling dominan. Justeru, peristiwa politik pada hari ini sangat mengiktiraf kerelevanan bahasa. Teks manifesto yang berkesinambungan amat penting bagi memastikan makna keseluruhan manifesto dapat disampaikan kepada bakal pengundi. Hal ini demikian, salah satu perkara penting yang perlu wujud dalam sesebuah wacana ialah berkesinambungan (Halliday, 1976; Ping, 2005).

Berkesinambungan merujuk kepada aliran idea dasar dalam wacana yang menjadi inti patinya (Idris Aman, 2014). Idea dasar yang dialirkan mestilah bersistematik, bertalian, lancar dan logik tanpa masukan idea baharu yang tidak bercanggah. Almaden (2006:128) turut mendakwa bahawa “*for a text to be coherent it should also make sense, and there should be a consistent development of ideas, concepts, or arguments*”. Susunan teks yang berterabur akan menyebabkan matlamat sesuatu pengucapan menjadi ‘tergantung’. Ini kerana, Halliday & Hasan (2014) menegaskan bahawa teks merupakan “... *any passage, spoken or written, of whatever length, that forms a unified whole*” dan disifatkan sebagai unit semantik. Brown & Yule (1983:105) turut menambah bahawa sesebuah teks ucapan juga harus mempunyai ciri bermaklumat bagi menyampaikan sesuatu yang bermakna. Ciri wacana yang bermaklumat dapat direalisasikan melalui struktur tema yang terdiri daripada elemen tema dan rema (Danes, 1974). Tema ialah titik permulaan mesej yang meletakkan klausa dalam konteksnya. Rema pula ialah baki mesej tema, iaitu bahagian yang mengembangkan tema (Halliday & Matthiessen, 2014). Kebanyakan ahli bahasa seperti Danes (1974), Halliday & Hassan (1976), Asmah Haji Omar (1987), Cook (1989), Sato (1997), Ertenschik-Shir (2007) dan Idris Aman (2014) bersependapat bahawa susunan maklumat dalam ayat juga boleh dikenali sebagai maklumat lama dan maklumat baru.

Susunan maklumat ini merupakan proses interaksi di antara apa yang sudah diketahui (maklumat lama) oleh khalayak dan apa yang belum diketahui (maklumat baru) oleh khalayak. Lazimnya, maklumat lama wujud pada klausa pertama dan ditandakan dengan tema. Manakala, maklumat baru berada pada bahagian kedua klausa dalam ayat dan ditandakan dengan rema. Kedua-dua susunan klausa ini boleh berubah status semasa proses penyampaian. Ini bermakna, maklumat baru akan berubah status menjadi maklumat lama dalam ayat yang seterusnya. Proses ini akan berulang-ulang sehingga pewacana selesai berbicara. Tema atau dikenali dengan istilah judul (Asmah Haji Omar, 2009) merupakan topik yang menjadi agenda perbincangan (Brown & Yule, 1983; Idris Aman, 2012). Manakala, rema atau cerita pula merupakan tanda yang menentukan tujuan perbincangan. Pendapat yang sama diberikan oleh Steedman (2003) bahawa “*a topic/comment or theme/rheme distinction between the part of utterance that relates it to the purpose of the discourse, and the part that advance the discourse*”. Kolaborasi elemen tema dan rema akan menghasilkan mesej dan makna yang utuh seperti yang dinyatakan oleh Danes (1974) iaitu “... *one element in the clause is enunciated as the theme; this then combines with the remainder so that the two parts together constitute a message*”. Menurut Thompson (1996), kajian tema dan rema berfungsi untuk meneliti cara pewacana mengkonstruksi maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayak agar proses pengembangan makna dapat berjalan dengan lancar.

Oleh itu, kajian ini beranggapan bahawa bahasa berperanan menyampaikan sesuatu yang bermakna secara tersusun dan sistematik. Dengan kata lain, kewujudan wacana dalam sistem bahasa memperlihatkan kesepaduan dan kewibawaan sesuatu bahasa dalam budaya dan masyarakat, (Radiman Junaidi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2013). Maksudnya, binaan bahasa yang tersusun dilihat mempunyai nilai kebolehbacaan yang tinggi untuk menyampaikan sesuatu kepada khalayak. Justeru, ucapan atau teks penulisan boleh dikenal pasti melalui pencarian aliran tematik yang melibatkan hubungan di antara klausa berdasarkan informasi yang terkandung di dalam tema dan rema (Alonso & McCabe 2003; Wang, 2007).

## 2. Kajian Lepas

Kajian lepas berkenaan struktur tema dapat dibahaskan melalui data yang digunakan. Setakat yang diteliti, kebanyakan kajian struktur tema lebih tertumpu kepada teks penulisan, terutamanya teks karangan pelajar sebagai data kajian. Misalnya, Norfaizah Abdul Jobar & Anida Sarudin (2014) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti strategi pembinaan isi karangan pelajar bukan Melayu. Untuk itu, pengkaji telah memanfaatkan teks karangan pelajar Cina tingkatan 5 dari sebuah sekolah menengah di Tg. Malim sebagai data kajian. Pelajar ini telah mengikuti pengajian bahasa Melayu sejak di sekolah rendah, ini bermakna mereka telah mempelajari bahasa Melayu selama 11 tahun. Karangan yang digunakan merupakan teks karangan bahan rangsangan hasil daripada peperiksaan bulan Mac yang bertajuk “Ciri-Ciri Sekolah Idaman Saya”. Karangan ini mengandungi lima perenggan yang meliputi satu perenggan pendahuluan, tiga perenggan isi penting dan satu perenggan penutup. Lazimnya, tiga isi penting bagi karangan bahan rangsangan akan diberikan terlebih dahulu dan memerlukan pelajar untuk menghuraikan setiap isi penting berkenaan. Bagi kajian ini, pengkaji hanya menumpukan analisis terhadap struktur tema pada bahagian isi sahaja. Terdapat sebanyak 60 perenggan isi dikaji daripada 20 buah karangan dengan menggunakan analisis Struktur Teks Halliday (1994) dan Pola Tematik McCabe (1999). Hasil kajian mendapati pelajar telah memanfaatkan empat jenis pola tematik iaitu pola tematik linear, pola tematik kekal, pola tematik berubah dan pola tematik rencam. Walau bagaimanapun, pola tematik linear menunjukkan penggunaan yang paling dominan kerana pola tematik linear mudah dibina dan kuasai oleh pelajar.

Manakala, Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin (2015) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti cara pelajar bahasa Sepanyol memanfaatkan aliran tematik bagi merealisasikan aliran idea penulisan dalam karangan ekspositori. Kajian ini menggunakan 20 buah teks karangan ekspositori yang dihasilkan oleh 20 orang pelajar tahap lanjutan subjek bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Pusat Bahasa, Universiti Utara Malaysia. Ketika proses analisis dilakukan, setiap karangan akan dicerakinkan melalui proses pengekodan kepada simbol nombor rujukan. Setiap perenggan akan dilabelkan dengan nombor teks, nombor perenggan dan klausa. Unsur Tema dan Rema yang berkaitan dengan jenis aliran Tema akan dihitamkan. Kemudian jenis aliran tematik akan dinyatakan. Pergerakan aliran maklumat dalam setiap perenggan dianalisis dengan menggunakan kerangka aliran tematik McCabe (1999) dan Fries (1983). Hasil kajian memaparkan lima jenis aliran Tema yang dimanfaatkan oleh pelajar dalam merealisasikan aliran maklumat penulisan karangan ekspositori iaitu aliran Tema Rencam, aliran Tema Linear, aliran Tema Kekal, aliran Tema Berlainan dan aliran Rema Ulangan. Dari kelima-lima jenis aliran Tema tersebut, dicatatkan aliran Tema Rencam mendominasi keseluruhan aliran maklumat karangan ekspositori diikuti dengan aliran Tema Linear dan aliran Tema Kekal. Secara jelas, penghasilan karangan ekspositori pelajar tidak mengikuti norma penulisan yang sepatutnya iaitu memanfaatkan aliran Tema Linear, malah mereka bebas memanfaatkan jenis aliran tema lain bagi menyampaikan idea utama.

Seterusnya, Norfaizah Abdul Jobar et. al (2016) pula telah menjalankan kajian terhadap struktur tema untuk mengenal pasti penggunaan jenis tema dan metafungsi bahasa dengan memanfaatkan 21 buah karangan jenis pendapat oleh murid tingkatan 5 dari Sekolah Menengah

Jenis Kebangsaan Cina Tanjung Malim yang bertajuk “Cara Menceriakan Kawasan Sekolah”. Data kajian ini telah diperolehi pengkaji pada Peperiksaan Pertengahan tahun 2014. Data dianalisis melalui penggunaan tema yang hadir semasa memulakan ayat dalam penulisan karangan. Untuk itu, semua ayat dalam karangan disempadankan berdasarkan konsep tema dan rema yang seterusnya dibahagikan kepada metafungsi bahasa, iaitu menganalisis binaan awal ayat murid. Persempadanan unsur tema dan rema ini berfungsi untuk mengagihkan maklumat dalam ayat. Setelah persempadanan tema dilakukan, penciriannya dilandaskan berdasarkan konsep metafungsi bahasa Halliday (1994). Jenis tema yang dianalisis ialah tema bertanda dan tema tidak bertanda manakala metafungsi bahasa yang diteliti melibatkan tiga kategori, iaitu tema ideasional, tema interpersonal dan tema tekstual. Berdasarkan hasil kajian, pelajar sering memanfaatkan tema tidak bertanda yang terdiri daripada metafungsi tema ideasional dan tema tekstual dalam menjana ayat awal. Hal ini demikian, konsep ayat yang memenuhi hukum tataahasa formal dalam unsur tema tidak bertanda memudahkan murid membina ayat. Bukan itu sahaja, pemilihan metafungsi yang bertepatan perlu diberikan perhatian dalam usaha menghubungkan idea dalam teks.

Berbeza dengan kajian lepas yang lain, kajian struktur tema Azlina Mohd Sera'ai et. al (2017) terhadap penulisan karangan pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing ini telah melibatkan tahap pencapaian pelajar sebagai pemboleh ubah. Secara ringkas, pengkaji telah mengenal pasti penguasaan ciri aliran tematik dalam penulisan karangan berdasarkan pembolehubah kategori pelajar dan mengubungkaitkannya dengan pencapaian bahasa pelajar. Sebanyak 30 buah teks karangan jenis naratif yang ditulis oleh 30 responden pada tahap lanjutan dikumpul dari dua buah universiti tempatan. Teks karangan yang diperolehi mengandungi 106 buah perenggan kesemuanya. Teks naratif dipilih kerana dikatakan penulisan yang paling mudah dihasilkan bagi menggambarkan pengalaman diri sendiri. 30 buah teks karangan ini kemudiannya dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu baik, sederhana dan lemah. Pergerakan aliran tematik dalam setiap perenggan dianalisis berpandukan skema aliran tematik, Rema Regresi, Rema Ulangan, Tema Rencam, Box Development dan Pair to Single Development yang diilhamkan oleh McCabe (1999). Hasil kajian memaparkan, ketiga-tiga kategori pelajar mewacanakan penulisan secara dominan menerusi aliran Tema Rencam. Pemboleh ubah kategori tahap pelajar secara hakikatnya tiada hubungan yang signifikan antara aliran tematik dengan pencapaian bahasa. Hasil penemuan membuktikan aliran tematik berupaya dijadikan sebagai satu teknik yang efektif kepada guru dan pelajar untuk membina sebuah penulisan yang berkesinambungan.

### **Penyataan Masalah**

Jika diteliti, skop kajian-kajian terhadap penulisan karangan di atas membicarakan pembinaan struktur tema yang melibatkan beberapa pemboleh ubah seperti bahasa asing, bangsa bukan natif dan perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam ujian. Kajian-kajian ini secara umumnya lebih tertumpu kepada isu yang mengetengahkan pengetahuan dan keupayaan menyusun ayat bagi menghasilkan struktur bahasa yang berkesinambungan kepada pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa data bagi mengkaji struktur tematik lebih cenderung memanfaatkan data penulisan karangan. Menerusi pengamatan ini, perbincangan terhadap ciri aliran tematik masih belum memadai kerana hanya berlegar-legar di sekitar teks karangan dan kurang meneroka hubungan yang wujud antara ciri aliran tematik dengan rasional penggunaannya dalam

menyampaikan maklumat, terutamanya menerusi manifesto. Kajian-kajian ini dianggap bersifat “estetisme sosiologi” kerana terikat kepada analisis ayat yang tidak melibatkan konteks wacana dunia nyata (Azhar M. Simin, 1993: 89). Paradigma wacana dunia nyata lebih menekankan bahasa dalam pengertian praktikal dan fungsional. Ini bermakna, paradigma ini bukan sahaja memperkirakan sistem bahasa malah mengaitkan fungsi bahasa dalam dunia sebenar seperti politik, budaya, ekonomi dan sebagainya (Idris Aman, 2012). Haliday & Hasan (2014) menekankan betapa perlunya kajian bahasa dalam konteks wacana kerana bahasa merupakan sebahagian daripada tingkah laku masyarakat. Bukan itu sahaja, Danes (1974) turut menegaskan bahawa melalui penelitian terhadap struktur tema dalam teks “*we can gain an insight into its texture and understand how the writer makes clear to us the nature of his underlying concerns*”. Menyedari hakikat ini, pengkaji berhasrat untuk melanjutkan kajian-kajian pengkaji lalu dengan meneroka struktur tema dan rasional penggunaannya berdasarkan data yang berbeza iaitu, manifesto Pakatan Harapan PRU-14.

### Objektif Kajian

Menyedari hakikat bahawa teks manifesto masih belum diberi huraian linguistik secara komprehensif berdasarkan aliran tematik, maka kajian ini akan memanfaatkan teks Manifesto Pakatan Harapan PRU-14 untuk meneliti aliran maklumat yang disampaikan oleh pewacana kepada khalayak ramai. Pengkaji berpendapat bahawa khalayak perlu cakna dengan maklumat yang disampaikan oleh pewacana kerana manifesto merupakan dokumen penting yang menghebahkan kepada khalayak tentang perkara yang ingin ditawarkan dan hala tuju negara setelah mendapat mandat pemerintahan. Kajian ini turut berpandangan bahawa teks manifesto merupakan salah satu alternatif bahasa berguna dan dari sudut yang lain digunakan oleh organisasi politik di dalam penghasilan manifesto bagi menghadapi pilihan raya, mendapatkan undi, dan selanjutnya memperoleh kuasa pemerintahan negara. Oleh itu, objektif utama kajian ini secara jelasnya ingin (i) mengenal pasti ciri aliran tematik dalam teks manifesto dan (ii) menjelaskan rasional penggunaannya.

### 3. Metodologi

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, kajian ini akan memanfaatkan teks manifesto Pakatan Harapan PRU-14. Teks manifesto yang dikenali sebagai “Buku Harapan” ini telah disampaikan oleh pengerusi Pakatan Harapan, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Teks manifesto ini telah disampaikan di bangunan Ideal Convention Centre (ICC), Shah Alam pada hari Khamis, 8 Mac 2018. Pelancaran teks manifesto ini telah disiarkan melalui pelbagai saluran media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar. Teks manifesto telah dimuat turun oleh pengkaji melalui portal rasmi Pakatan Harapan – [http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku\\_Harapan.pdf](http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku_Harapan.pdf) (dikutip pada 10 Januari 2020). Buku Harapan yang bertemakan “Membina Negara, Memenuhi Harapan” merupakan manifesto pertama Pakatan Harapan yang dirangka sebelum menghadapi PRU-14. Manifesto ini mengandungi janji-janji Pakatan Harapan kepada rakyat Malaysia sebelum menubuhkan Kerajaan Persekutuan yang baharu. Janji-janji ini meliputi dasar dan tindakan yang akan dilaksanakan pada masa akan datang. Teks manifesto yang diperolehi pengkaji berjumlah 203 muka surat, 890 perenggan dan 25985 patah perkataan. Setiap perenggan teks manifesto hanya mempunyai satu hingga lima ayat sahaja. Teks manifesto ini juga mempunyai 16 subbahagian

iaitu (A) Kata Pengantar, (B) Pembuka Kata, (C) Situasi Negara di Bawah UMNO & Barisan Nasional Sekarang, (D) Falsafah & Matlamat Pentadbiran Pakatan Harapan, (E) Teras Utama Pakatan Harapan, (F) Sepuluh Janji Seratus Hari, (G) Teras 1: Meringankan Beban Kehidupan Rakyat, (H) Teras 2: Mereformasi Institusi Pentadbiran & Politik, (I) Teras 3: Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi yang Adil & Saksama, (J) Teras 4: Mengembalikan Status Sabah dan Sarawak Berteraskan Perjanjian Malaysia 1963, (K) Teras 5: Membina Malaysia yang Inklusif, Moderat dan Gemilang di Persada Dunia, (L) Iltizam Khusus untuk Warga Felda, (M) Iltizam Khusus untuk Masyarakat India, (N) Iltizam Khusus untuk Wanita, (O) Iltizam Khusus untuk Anak Muda dan (P) Iltizam Khusus untuk Warga Emas. Bagi memudahkan pengawalan data yang besar, penelitian hanya diberikan kepada bahagian isi-isi manifesto dari (G) hingga (P). Selain tu, pengkaji juga hanya memberi fokus kepada teks manifesto bahasa Melayu. Dari pandangan kerangka teori analisis wacana, pemilihan teks dalam bahasa asal (dalam kajian ini bahasa Melayu) amat dititikberatkan agar tidak berlaku sebarang manipulasi (Fairclough, 2007).


### Pertimbangan Etika

Kajian ini memberi penekanan kepada pertimbangan etika dalam beberapa perkara. Pertama dari segi penetapan objektif kajian. Memandangkan kajian ini ingin meneroka struktur tema dan rasional penggunaannya dalam kerangka politik, maka tiada sebarang prajudis terhadap mana-mana sistem politik yang diamalkan. Kajian ini juga tidak berhajat menilai kekuatan dan kelemahan mana-mana sistem politik yang terlibat. Kajian ini hanya berfokus kepada perkembangan bahasa dalam kerangka politik khususnya dari aspek analisis wacana. Kedua, pemilihan teks manifesto Pakatan Harapan yang dibentangkan sewaktu PRU14 dibuat secara objektif selain tiada unsur pilih kasih kepada mana-mana pihak. Rasional pemilihan teks manifesto ini dibuat atas pertimbangan bahawa parti tersebut merupakan manifesto pertama parti gabungan Pakatan Harapan sebelum memegang tampuk pemerintahan kerajaan persekutuan Malaysia yang baharu. Teks manifesto ini juga merupakan sebahagian daripada dokumen awam yang boleh diakses oleh semua pihak melalui laman web. Justeru, tidak timbul sebarang konflik kepentingan atau isu kerahsiaan. Ketiga, analisis data dan persembahan data kajian dibuat secara objektif tanpa sebarang prasangka dan sentimen kepada mana-mana pihak. Analisis data ini hanya ingin memenuhi matlamat kajian yang telah dijelaskan.

### Teori Kajian


Kajian struktur tema terhadap Manifesto Pakatan Harapan PRU14 dijalankan dengan memanfaatkan kerangka teori pergerakan tematik (*thematic progression*) yang diilhamkan oleh Danes (1974). Terdapat 4 jenis pola tematik yang disarankan oleh Danes (1974), iaitu pola tematik linear (*zig-zag*), pola tematik tema kekal, pola tematik tema daripada hipertema dan pola tematik tema daripada perincian pecahan rema.

#### a. Tematik Linear (Zig-Zag)




Pola tematik linear (zig-zag) merupakan penyusunan tema (T) yang berasal daripada rema (R). Menurut Cook (1989), kaedah pola tematik linear ini merupakan antara teknik yang sering digunakan. Pola ini juga merupakan pola asas kepada pergerakan maklumat dalam sesuatu ujaran atau wacana. Melalui pola ini, T1 digunakan untuk merujuk kepada tema pertama (maklumat baru) dalam ayat yang pertama dan R1 merupakan rema pertama (maklumat lama) dalam ayat pertama. Manakala, T2 ialah tema kedua yang diambil daripada R1 untuk membina ayat kedua dan begitulah seterusnya. Proses ini akan berulang-ulang sehingga mungkin meliputi satu perenggan atau satu bab. Setiap rema yang dizahirkan dalam ayat sebelumnya akan menjadi tema dalam ayat yang seterusnya. Ini bermakna, maklumat baru yang diungkapkan dalam ayat pertama akan menjadi maklumat lama dalam ayat kedua.

b. Pola Tematik Tema Kekal



Pola tematik tema kekal biasanya berlaku apabila tema yang hadir dalam siri ujaran adalah sama kerana diulang dalam ayat demi ayat [ $T1 = T2(T1) = T3(T1)$ ]. Walau bagaimanapun, bahagian rema masih dikembangkan melalui maklumat yang berbeza-beza dalam siri ujaran [ $R1 - R2 - R3$ ]. Ini bermakna, pewacana memilih untuk mengekalkan tema yang sama dalam ayat pertama untuk ayat kedua dan ayat-ayat seterusnya. Manakala, penambahan maklumat baru hanya berlaku pada bahagian rema sebagai fokus ujaran. Bagi sesetengah hal, sekiranya tema dalam ayat pertama menggunakan kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri tersebut akan bertukar kepada kata ganti nama diri kedua atau ketiga dalam ayat seterusnya (Ventola, 1994).


c. Pola Tematik Tema daripada Hipertema





Pola tematik tema daripada hipertema terjadi apabila tema yang diungkapkan berasal daripada hipertema. Maksudnya, segala maklumat lama yang disampaikan hadir daripada 'ayat topik' atau topik utama perbincangan. Sebagai contoh, [ T ] merupakan perkara pokok atau inti ujaran. Seterusnya, gabungan ayat seperti  $T1 \longrightarrow R1 + T2 \longrightarrow R2 + T3 \longrightarrow R3$  akan memberi maklumat berdasarkan inti ujaran tersebut. Semua ayat yang dizahirkan akan dikawal dengan kepelbagaian maklumat mengikut konteks hipertema yang sama. Pembaca atau pendengar mampu memahami maklumat yang disampaikan dengan merujuk inti ujaran terdahulu. Walau bagaimanapun, rema tetap berperanan untuk menyampaikan maklumat baru supaya informasi dapat dikembangkan.

#### d. Pola Tematik Tema daripada Perincian Pecahan Rema



Danes (1974: 120-121) menyatakan bahawa pola tematik tema daripada perincian pecahan rema terbentuk melalui proses gabungan pola tematik linear dan pola tematik tema kekal. Lazimnya, pola jenis ini dimanfaatkan dengan mengambil pola-pola asas yang mengembangkan bahagian maklumat baru, iaitu rema. Ini bermaksud, maklumat-maklumat baru akan diperincikan satu demi satu berdasarkan kepada jumlah maklumat yang terkandung dalam bahagian rema berkenaan. Kemudian, perincian maklumat baru akan dilakukan pada bahagian tema yang mengandungi maklumat lama dalam ayat-ayat yang seterusnya. Sebagai contoh, pola susunan  $(Ri + Rii)$  menunjukkan proses penggantian rema dalam sesebuah mesej yang disampaikan. R1 yang mengandungi Ri dan Rii berperanan untuk menjelaskan maklumat pada bahagian R1 dan Ri akan menjadi T dalam ayat yang seterusnya. Proses ini akan berlaku sehingga pewacana selesai memperincikan maklumat yang ingin disampaikan.

#### Proses Analisis

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memanfaatkan analisis dokumen. Menurut Merriam (2009), terdapat tiga kategori dokumen iaitu dokumen awam, peribadi dan artifak. Memandangkan teks ucapan belanjawan yang digunakan merupakan teks yang diwacanakan kepada semua lapisan masyarakat, maka teks ucapan ini dikira sebagai dokumen awam. Sifat analisis wacana kritis yang menganalisis bahasa penggunaan dalam kehidupan sosial manusia memerlukan pendekatan kualitatif untuk memahami secara mendalam pengalaman manusia sebagaimana yang berlaku dalam keadaan sebenar (Silverman, 2017). Oleh itu, melalui

pendekatan ini, pengkaji perlu memperincikan penerangan dan menjelaskan sebab-sebab berlakunya sesuatu fenomena yang dikaji. Proses analisis dan menguruskan data kajian meliputi beberapa peringkat iaitu (i) pemilihan data, (ii) pengekodan data, (iii) persempadanan tema dan rema (iv) pengaplikasian teori, (v) penghuraian dapatan kajian dan yang terakhir sekali (vi) pemberian kesimpulan. Secara analoginya, tahap pertama melibatkan proses memilih data dengan menggunakan kaedah melayap dan mengimbas. Kaedah melayap dan mengimbas dilakukan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sama ada korpus wacana yang dipilih mempunyai struktur yang menjadi fokus kajian. Melayap adalah pembacaan pantas keseluruhan teks secara sepiantas lalu. Manakala, mengimbas pula merupakan pembacaan untuk mengesan kedudukan maklumat khusus (Creswell, 2017). Kedua-dua cara ini akan memberi gambaran keseluruhan tentang kandungan bahan bacaan.

Tahap kedua meliputi langkah pengekodan (*coding*) pada setiap perenggan data kajian. Bagi memudahkan proses penganalisan, pembentangan dapatan dan pembacaan, semua perenggan teks yang dikaji ini akan ditandakan dengan sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat subbahagian, perenggan dan ayat. Walau bagaimanapun, hanya data yang berkaitan dengan objektif kajian akan dikeluarkan daripada teks ucapan. Pengekodan merupakan suatu sistem simbol atau huruf yang diberi makna sewenang-wenangnya (Idris Aman, 2001). Memandangkan data yang digunakan hanya mempunyai tiga hingga empat ayat setiap perenggan, maka pengekodan pada setiap perenggan dapat memperlihatkan maklumat dengan jelas semasa proses menganalisis. Bukan itu sahaja, Pengekodan yang dibuat pada unit perenggan teks merupakan langkah yang munasabah kerana perenggan merupakan satuan bahasa lengkap yang mempunyai permulaan dan pengakhiran serta mempunyai sifat kesatuan tema (Longacre, 1979). Tambahan pula, unit perenggan telah digunakan secara meluas dalam kajian memperlihatkan struktur tematik penulisan (seperti Alonso, 2002; Almaden, 2006; Rosniah Mustaffa & Idris Aman, 2007; Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin, 2015; Norfaizah Abdul Jobar et. al, 2016; Azlina Mohd Sera'ai et. al, 2017). Persempadanan tema dan rema pula dilakukan pada tahap ketiga. Persempadanan unsur tema dan rema ini merupakan cara yang dilakukan bagi mengagihkan maklumat dalam ayat (Norfaizah Abdul Jobar & Anida Sarudin, 2014). Persempadanan tema dan rema dilakukan dengan **menebalkan** bahagian tema. Manakala, klausa yang tidak ditebalkan merupakan bahagian rema. Contoh pengekodan dan persempadanan ditunjukkan di bawah.

1. F15. (a) **Kerajaan** komited membantu isi rumah untuk memperkukuh kedudukan kewangan melalui perlindungan insuran dan takaful. (b) **Keadaan kecemasan** seperti penyakit kritikal dalam keluarga boleh menyebabkan tekanan kewangan yang serius. (c) **Insurans atau takaful** boleh menjadi sebagai jaringan perlindungan dengan menyediakan bantuan kewangan dan membolehkan golongan berpendapatan rendah kembali meneruskan kehidupan.

Huruf F dalam kod **F15.(a)(b)(c)** merujuk kepada teks manifesto pada bahagian F. Manakala, nombor **15** pula merujuk kepada perenggan kelima belas dalam bahagian yang sama. Huruf **(a)**, **(b)** dan **(c)** masing-masingnya merujuk kepada ayat pertama, kedua dan ketiga dalam perenggan berkenaan. Pengekodan data merupakan satu langkah menjaga akauntibiliti analisis wacana (Idris Aman, 2001). Setelah langkah pengekodan dan persempadanan dilakukan, penciriannya dilandaskan berdasarkan teori Pergerakan Tematik yang dikemukakan oleh Danes (1974) pada tahap keempat. Tahap kelima merupakan penulisan hasil dapatan berdasarkan dua

objektif kajian yang telah ditentukan, iaitu mengenal pasti dan menghuraikan rasional penggunaan setiap aliran tematik yang wujud dalam teks manifesto. Tahap keenam atau tahap yang terakhir merupakan rumusan kesimpulan kepada kajian yang dilakukan. Tahap ini melibatkan proses merumus kata kunci terpenting dari dapatan kajian dan pernyataan tentang pentingnya hasil kajian kepada bidang kajian atau masyarakat.

#### 4. Dapatan Kajian

Hasil kajian terhadap teks manifesto Pakatan Harapan PRU14 mendapati bahawa struktur tema yang dimanfaatkan pewacana hanya mengandungi tiga jenis pola tematik yang disarankan oleh Danes (1974), iaitu pola tematik linear (*zig-zag*), pola tematik tema kekal dan pola tematik tema daripada Huraian setiap jenis pola yang digunakan beserta contoh adalah seperti berikut:

##### i. Pola Tematik Linear (*zig-zag*)

1. M24. (a) **Kerajaan Pakatan Harapan** komited untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan kesihatan percuma seluruh negara, terutamanya di kawasan-kawasan ladang yang mempunyai ramai kaum India. (b) **Perkhidmatan kesihatan percuma ini** akan memastikan kaum India yang memerlukan khidmat kesihatan akan dapat mengaksesnya apabila perlu.
2. J5. (a) **Kerajaan Pakatan Harapan** akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menyemak dan Melaksanakan secara adil Perjanjian Malaysia 1963 dalam tempoh seratus hari pertama pentadbiran kami. (b) **Jawatankuasa Khas Kabinet ini** akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak, yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal berkaitan.
3. H91. (a) **Suruhanjaya Pehidmatan Awam** akan diarahkan untuk mengenalpasti para pegawai kerajaan yang berbakat dan berpotensi untuk memainkan peranan lebih besar dalam pentadbiran negara dan negeri. (b) **Mereka ini** akan diberi sokongan dan latihan yang diperlukan untuk membolehkan bakat mereka terus berkembang, dan kenaikan pangkat mereka dapat disegerakan.

Berdasarkan data 1, data 2 dan data 3 di atas, klausa pertama dalam ayat (a) yang ditebalkan merupakan tema atau maklumat lama. Contoh klausa tema pada ayat (a) di atas ialah “**Kerajaan Pakatan Harapan**” dan “**Suruhanjaya Pehidmatan Awam**”. Klausa kedua dalam ayat (a) yang tidak ditebalkan pula berfungsi sebagai rema atau maklumat baru pewacana yang ingin disampaikan kepada khalayak. Contoh klausa kedua yang dimaksudkan ialah “*komited untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan kesihatan percuma seluruh negara, terutamanya di kawasan-kawasan ladang yang mempunyai ramai kaum India*”, “*akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menyemak dan Melaksanakan secara adil Perjanjian Malaysia 1963 dalam tempoh seratus hari pertama pentadbiran kami*” dan “*akan diarahkan untuk mengenalpasti para pegawai kerajaan yang berbakat dan berpotensi untuk memainkan peranan lebih besar dalam pentadbiran negara dan negeri*”. Ini bermakna, titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan tema untuk menyampaikan maklumat lama dan kemudiannya diikuti oleh rema yang memaklumkan maklumat selanjutnya. Manakala, klausa pertama dalam ayat (b) bagi ketiga-tiga data di atas seperti “**Perkhidmatan kesihatan percuma ini**”, “**Jawatankuasa Khas Kabinet ini**” dan “**Mereka ini**” merupakan maklumat lama kedua. Seterusnya, klausa kedua yang tidak ditebalkan dalam ayat yang sama seperti “*akan memastikan*

*kaum India yang memerlukan khidmat kesihatan akan dapat mengaksesnya apabila perlu*”, “akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak, yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal berkaitan” dan “akan diberi sokongan dan latihan yang diperlukan untuk membolehkan bakat mereka terus berkembang, dan kenaikan pangkat mereka dapat disegerakan” berfungsi sebagai maklumat baru kedua yang disampaikan oleh pewacana. Jika diperhalusi, maklumat baru pertama dalam ayat (a) pada ketiga-tiga data akan berubah menjadi maklumat lama kedua dalam ayat (b). Bahagian rema yang terkandung dalam ayat yang terdahulu akan menjadi tema dalam ayat yang seterusnya. Misalnya, klausa pertama dalam ayat (b) akan bertukar menjadi maklumat lama setelah diambil daripada maklumat baru atau rema dalam ayat (a). Hal ini selaras dengan pendapat Cook (1989: 64) yang menegaskan bahawa, “any unit of information may change status as the discourse proceeds, and what was new in one sentence become given in the next”. Oleh itu, tema dalam ayat (b) diletakkan tanda sama dengan rema dalam ayat (a). Dari sudut struktur tema, ketiga-tiga ayat di atas dianggap ideal dan merupakan kaedah paling asas untuk menyampaikan manifesto kerana ayat yang terkandung saling berhubung antara maklumat lama dengan maklumat baru. Pewacana dilihat cuba mengalihkan kerangka pemikiran dengan cara memilih elemen tema yang sama dengan rema pada awal klausa dalam ayat. Oleh itu, khalayak berupaya mengenal pasti maklumat lama berdasarkan maklumat baru yang telah dinyatakan oleh pewacana pada ayat sebelumnya.

## ii. Pola Tematik Tema Kekal

4. K49. (a) **Badan-badan kemasyarakatan, masyarakat sivil dan keusahawan sosial** adalah elemen penting dalam sebuah negara moden. (b) **Badan-badan sebegini** mempunyai sejarah yang panjang dalam tamadun Islam dan juga dalam tamadun Asia. (c) **Mereka** memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada peranan kerajaan untuk membantu rakyat. (c)
5. I63. (a) **Suri rumah** merupakan tunggak kepada sesebuah keluarga. (b) **Mereka** menjaga keluarga, membesarkan anak-anak tanpa mengira penat lelah. (c) **Mereka** melakukan semua ini tanpa menuntut apa-apa balasan, terutamanya suri rumah sepenuh masa yang tidak bekerja.
6. G52. (a) **Pakatan Harapan** berpegang dengan prinsip bahawa monopoli konsesi yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tertentu yang rapat dengan kerajaan perlu dihentikan. (b) **Kerajaan Pakatan Harapan** akan mengkaji semula semua perjanjian konsesi lebuhraya. (c) **Pakatan Harapan** akan berunding untuk mendapatkan harga yang terbaik untuk mengambil alih setiap konsesi tol dengan matlamat akhir untuk menghapuskan kutipan tol secara berperingkat.

Ketiga-tiga data di atas merupakan contoh penggunaan pola tematik tema kekal oleh pewacana dalam teks manifestonya. Penggunaan pola tematik tema kekal berperanan sebagai peranti kedua tertinggi dalam pembinaan teks manifesto berbanding pola tematik linear. Berdasarkan ketiga-tiga data di atas, klausa yang ditebalkan dalam ayat (a) merupakan maklumat lama. Maklumat lama dalam ayat (a) berkenaan ialah “**Badan-badan kemasyarakatan, masyarakat sivil dan keusahawan sosial**”, “**Suri rumah**” dan “**Pakatan Harapan**”. Klausa yang tidak ditebalkan dalam ketiga-tiga ayat dan data yang sama pula berfungsi sebagai maklumat baru pertama. Maklumat baru dalam ayat (a) tersebut ialah “*adalah elemen penting dalam sebuah negara moden*”, “*merupakan tunggak kepada sesebuah keluarga*” dan “*berpegang dengan prinsip bahawa monopoli konsesi yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tertentu yang rapat dengan kerajaan perlu dihentikan*”. Ini bermakna,

titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan tema untuk menyampaikan maklumat lama dan kemudiannya diikuti dengan rema yang memaklumkan maklumat selanjutnya. Manakala, klausa yang ditebalkan dalam ayat (b) pada ketiga-tiga data di atas pula merupakan maklumat lama kedua. Seterusnya, klausa yang tidak ditebalkan dalam ayat (b) berfungsi sebagai maklumat baru kedua yang disampaikan oleh pewacana. Jika diteliti ketiga-tiga data di atas, maklumat lama seperti “**Badan-badan sebegini**”, “**Mereka**” dan “**Kerajaan Pakatan Harapan**” dalam ayat (b) dan ayat (c) merupakan maklumat lama kedua yang diambil daripada tema dalam ayat (a). Binaan struktur tema sebegini telah menunjukkan bahawa pewacana telah mengekalkan bahagian tema bagi ketiga-tiga ayat (a), ayat (b) dan ayat (c) untuk menyampaikan mesej kepada khalayak. Oleh itu, dari sudut binaan tematik, klausa pertama dalam ayat (b) dan ayat (c) diletakkan bersamaan dengan klausa pertama ayat (a). Misalnya, “**Badan-badan kemasyarakatan, masyarakat sivil dan keusahawan sosial**” sama dengan “**Badan-badan sebegini**”. Manakala, “**Suri rumah**” sama dengan “**Mereka**” dan “**Pakatan Harapan**” sama dengan “**Kerajaan Pakatan Harapan**”. Walaupun kata namaan bagi ketiga-tiga klausa pertama dalam ayat (a), ayat (b) dan ayat (c) tidak sama, namun pewacana dilihat telah menggantikan kata namaan ini kepada kata ganti nama diri ketiga atau frasa nama untuk menggantikan kata nama orang. Sebagai contoh, frasa nama “**Badan-badan kemasyarakatan, masyarakat sivil dan keusahawan sosial**” dalam klausa pertama ayat (a) telah digantikan dengan frasa nama “**Badan-badan sebegini**” dalam klausa pertama ayat (b) pada data 4. Begitu juga dengan penggunaan frasa nama “**Suri rumah**” dalam klausa pertama ayat (a) yang digantikan dengan kata ganti nama diri ketiga “**Mereka**” dalam klausa pertama ayat (b) pada data 5. Danes (1974) menegaskan bahawa pewacana boleh memilih untuk mengekalkan bahagian tema dalam setiap ayat yang disampaikan bagi menentukan hala tuju perbincangan. Walau bagaimanapun, bahagian rema masih boleh dikembangkan melalui maklumat yang berbeza-beza dalam ayat yang sama. Contoh pada data 4, rema seperti “*adalah elemen penting dalam sebuah negara moden*” dalam ayat (a) tidak sama dengan rema yang dikembangkan dalam dalam ayat (b) seperti “*mempunyai sejarah yang panjang dalam tamadun Islam dan juga dalam tamadun Asia*”. Hal ini kerana, pewacana memilih untuk mengekalkan tema yang sama dalam ayat pertama untuk ayat kedua dan ayat-ayat seterusnya. Manakala, penambahan maklumat baru hanya berlaku pada bahagian rema sebagai fokus ujaran.

### iii. Pola Tematik Tema daripada Hipertema

7. G39. (a) **Majlis Perumahan Mampu Milik Kebangsaan** akan diwujudkan untuk menyatukan gerak kerja semua agensi yang berkaitan di bawah satu bumbung, dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri. (b) **Antara tanggungjawab majlis ini** ialah membina satu juta rumah mampu milik dalam masa dua penggal pentadbiran kami, menyelenggara satu pengkalan data terbuka rumah mampu milik yang belum terjual, untuk mengelak penyembunyian maklumat oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab, menyelenggara program sewa beli rumah mampu milik untuk golongan M40 dan B40, program khas “rumah mampu sewa” untuk mereka yang layak, menyelaras perancangan dengan institusi perbankan agar akses kepada pinjaman perumahan untuk pembelian rumah pertama boleh diperluaskan dan mengambil alih penyelenggaraan perumahan kos rendah demi mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh penduduk.
8. H117. (a) **Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Majlis-Majlis Perbandaran** adalah pihak berkuasa yang paling dekat dengan rakyat. (b) **Peranan Pihak Berkuasa Tempatan** berpotensi dikembangkan agar rakyat mendapat perkhidmatan terbaik dengan lebih pantas.

9. J7(a) **Jawatankuasa Khas Kabinet Menyemak dan Melaksanakan** akan diarahkan memberi laporan terperinci kepada kerajaan dalam masa enam bulan daripada tarikh penubuhan untuk pelaksanaan segera. (b) **Antara tugas utama Jawatankuasa Khas ini** ialah untuk mengkaji dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan dalam hal-hal seperti Status Perjanjian Malaysia 1963 dalam perundangan sekarang, meningkatkan kefahaman rakyat mengenai Perjanjian Malaysia 1963 melalui sistem Pendidikan kebangsaan, melaksanakan konsep federalisme untuk ketiga-tiga wilayah dalam Malaysia, menjaga Hak Sabah dan Sarawak terhadap hasil semulajadi negara serta hasil minyak dan gas, menguruskan perkara-perkara pentadbiran yang sewajarnya diturunkan untuk kuasa negeri dan memastikan jumlah peruntukan yang seharusnya menjadi hak Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan data 7, data 8 dan data 9 di atas, pewacana didapati telah menyusun mesejnya dengan menggunakan pola tematik tema daripada hipertema. Keadaan ini berlaku apabila tema yang diungkapkan oleh pewacana berasal daripada hipertema. Maksudnya, segala maklumat lama yang disampaikan hadir daripada ‘ayat topik’ perbincangan. Bermula dengan ayat yang mengemukakan maklumat utama, pewacana seterusnya akan mengemukakan ayat kedua atau ayat selanjutnya berdasarkan ayat topik. Secara jelas, susunan maklumat dalam ayat berikutnya akan dikawal dalam lingkungan ayat topik yang diketengahkan dalam hipertema. Oleh itu, titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan tema pertama yang merujuk kepada maklumat lama atau perkara pokok perbincangan dan kemudiannya diikuti oleh rema pertama yang memaklumkan maklumat baru selanjutnya. Seterusnya, gabungan ayat antara tema kedua dan rema kedua pula akan memberi maklumat berdasarkan inti ujaran tersebut. Khalayak berupaya memahami maklumat yang disampaikan dengan merujuk inti ujaran terdahulu, iaitu tema pertama. Walau bagaimanapun, rema pertama dan rema kedua akan tetap berperanan untuk menyampaikan maklumat baru supaya informasi dapat dikembangkan. Sebagai contoh, klausa pertama ayat (b) yang ditebalkan seperti “**Antara tanggungjawab majlis ini**”, “**Peranan Pihak Berkuasa Tempatan**” dan “**Antara tugas utama Jawatankuasa Khas ini**” pada ketiga-tiga data di atas merupakan maklumat lama yang diambil daripada perkara pokok atau hipertema ayat (a) yang telah ditebalkan. Perkara pokok atau hipertema dalam ayat (a) pada ketiga-tiga data yang dimaksudkan ialah “**Majlis Perumahan Mampu Milik Kebangsaan**”, “**Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Majlis-Majlis Perbandaran**” dan “**Jawatankuasa Khas Kabinet Menyemak dan Melaksanakan**”. Secara analoginya, ayat (a) pada data 7 telah mengutarakan maklumat hipertema mengenai Majlis Perumahan Mampu Milik Kebangsaan yang akan dibangunkan oleh Pakatan Harapan untuk menggabungkan tugas semua agensi yang sama di bawah satu kelolaan. Manakala, ayat (b) pada data yang sama merupakan ayat yang menyatakan peranan-peranan yang perlu dipikul oleh majlis ini. Begitu juga dengan ayat (a) pada data 8 yang membincangkan tentang Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Majlis-Majlis Perbandaran sebagai pihak berkuasa yang paling dekat dengan rakyat. Ayat (b) pada data yang sama pula merupakan ayat yang menyatakan potensi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan yang boleh dikembangkan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Ayat (a) pada data 9 telah membincangkan ayat topik tentang arahan kerajaan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Menyemak dan Melaksanakan dan ayat (b) pada data yang sama pula menyatakan tugas-tugas utama Jawatan Khas ini.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, makalah ini telah berjaya mengenal pasti dan menjelaskan binaan struktur tema yang terdapat dalam teks manifesto Pakatan Harapan PRU14. Binaan struktur tema tidak hanya hanya terdiri daripada satu jenis pola semata-mata. Malah, teks manifesto Pakatan Harapan PRU14 yang disampaikan oleh pewacana dibentuk melalui pola susunan tematik yang pelbagai. Terdapat tiga jenis pola susunan maklumat yang digunakan oleh pewacana untuk mengalirkan mesej kepada khalayak iaitu, pola tematik linear (*zig-zag*), pola tematik tema kekal dan pola tematik tema daripada hipertema. Binaan struktur tema daripada jenis pola tematik linear menunjukkan dominasi penggunaan berbanding jenis-jenis pola lain sehingga menjadikan pola tematik linear sebagai peranti utama dalam membentuk teks manifesto Pakatan Harapan PRU14. Hal ini kerana, pola jenis tematik linear merupakan pola asas kepada pergerakan maklumat dalam sesuatu ujaran atau wacana. Manakala, pola tematik tema kekal pula merupakan struktur binaan tema kedua tertinggi yang digunakan oleh pewacana dalam menyampaikan manifestonya. Hal ini demikian, pewacana memilih untuk mengekalkan bahagian tema dalam setiap ayat yang disampaikan bagi menentukan hala tuju perbincangan. Walau bagaimanapun, bahagian rema masih dikembangkan melalui maklumat yang berbeza-beza dalam ayat yang sama. Pola tematik tema daripada hipertema juga digunakan apabila pewacana ingin menyampaikan maklumat lama melalui ayat topik atau topik utama perbincangan. Semua ayat yang dizahirkan dikawal dengan kepelbagaian maklumat mengikut isu yang diketengahkan dalam ayat topik. Dengan ini, khalayak mampu memahami maklumat yang disampaikan dengan merujuk inti ujaran terdahulu. Dapat disimpulkan bahawa, teks manifesto Pakatan Harapan PRU14 ini tidak dihasilkan dengan mudah, malah dicipta dengan proses yang kompleks melalui pengemblengan beberapa jenis struktur binaan tema. Longacre (1979) menegaskan bahawa kolaborasi idea melalui susunan tema dan rema yang membawa kepada penghasilan ayat dalam satu perenggan akan menghasilkan makna yang utuh keseluruhannya. Hal ini demikian, tema dan rema dapat mengstruktur satu aliran huraian yang logik dan sistematik oleh pewacana kepada khalayak. Dengan ini, pembaca atau pendengar dapat mengikuti perkembangan sesuatu idea yang ingin disampaikan oleh pewacana. Pengutaraan cadangan, ideologi, fakta, laporan dan dasar yang terkandung dalam teks ucapan melalui pengemblengan beberapa jenis struktur binaan tema telah membuktikan bahawa teks manifesto Pakatan Harapan PRU14 memiliki ciri bermaklumat dan berketujuan. Bukan itu sahaja, pemanfaatan pelbagai jenis struktur binaan tema juga dapat digandingkan dengan teks manifesto yang bersifat ekspositori.

## Rujukan

- Alonso, S. & McCabe, A. (2003). Improving Text Flow in ESL Learner Compositions. *The Internet TESL Journal*, 9(2), 1-15.
- Almaden, D.O. (2006). An Analysis of the Topical Structure of Paragraphs Written by Filipino Students. *The Asia-Pacific Education Researcher*. 15(1), 127-153.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Bahasa Malaysia Sainifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman & Masearh Shabudin. (2017). Penguasaan Ciri Aliran Tematik Penulisan Bahasa Sepanyol Bukan Natif. *GEMA Journal of Language Studies*, 17(2), 84-104.
- Azlina Mohd Sera'ai & Masearh Shabudin. (2015). Ciri Aliran Tematik Karangan Ekspositori Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing. *e-Bangi*, 15(10), 41-56.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis Wacana "Yang" dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, G & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. New York: Cambridge University Press.
- Chilton, P. (2005). *Analysing Political Discourse: Theory and Practice*. London: Routledge.
- Creswell, J. (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. London: SAGE Publications.
- Cook, G. (1989). *Discourse*. New York: Oxford Linguistic Press.
- Danes, F. (1974). *Functional Sentence Perspective and The Organization of The Text*. Prague: Academia.
- Egins, S., 2004. *An Introduction to Systemic Functional Linguistic*. London: Continuum.
- Erteschik-Shir, N. (2007). *Information Structure: The Syntax-Discourse Interface*. New York: Oxford Linguistic Press.
- Fairclough, N. (2007). *Discourse and Contemporary Social Change*. New York: Peter Lang.
- Fairclough, N. (2005). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. New York: Routledge.
- Halliday, M.A.K. & Matthiessen, C.M.I.M. (2014). *Halliday's Introduction to Functional Grammar*. Fourth Edition. Oxford: Routledge.
- Halliday, M.A.K & Hasan, R. (2014). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Halliday, M.A.K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Arnold.
- Halliday, M.A.K & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. New York: Longman Group Ltd.
- Idris Aman. (2012). *Discourse in Social Life: From the World of Language to Real World Linguistics*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2001). *Analisis Wacana Kritis Perutusan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad*. (Tesis Doktor Falsafah tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Longacre, R. E. (1979). *The Paragraph As a Grammatical Unit in Syntax & Semantics*. New York: Academic Press.
- McCabe, A. (1999). *Theme and Thematic Patterns in Spanish and English History Text*. (Tesis Doktor Falsafah tidak Diterbitkan). Aston University, Aston.



Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide To Design and Implementation*. San Franscisco: Wiley Imprint.

Muhammad Nadzri Mohamed Noor. (2018). The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional and Political Development in Malaysia from 1957-2018. *Journal of Current Souteast Asian Affairs*, 37(3), 139-171.

Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin & Idris Md. Radzi. (2016). Analisis Metafungsi Bahasa dalam Penulisan Karangan. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 307-322.

Norfaizah Abdul Jobar & Anida Sarudin & Idris Md. Radzi. (2014). Proses Tematik dalam Pembinaan Karangan: Analisis Teori Linguistik Sistematis Fungsional. *Kajian Linguistik*, 14(1), 126-140.

Pakatan Harapan. (2018). *Teks Manifesto Pakatan Harapan PRU14*. Dimuat turun daripada [http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku\\_Harapan.pdf](http://www.kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku_Harapan.pdf)

Ping, A. L. (2005). Talking Themes: The Thematic Structure of Talk. *Discourse Studies*, 7(6), 701-732.

Radiman Hj. Junaidi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). 'Wacana Kepimpinan dalam Ucapan Abullah Ahmad Badawi'. *Jurnal Bahasa* Jilid 13 Bil 1. Jun 2013: 128-150. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sato, H. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan Dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Silverman, D. (2017). *Doing Qualitative Research*. London: SAGE Publication.

Steedman, M. & Kruijff Korbayova, I. (2003). Discourse and Information Structure. *Journal of Logic Language and Information*, 12(3), 249-259.

Thompson, G. (1996). *Introducing Functional Grammar*. London: Arnold Publishing.

Ventola, E. (1994). Finnish Writers' Academic English: Problems with Reference and Theme. *Functions of Language*, 1(2), 261-293.

Wang, L. (2007). Theme and Rheme in The Thematic Organization of Text: Implications for Teaching Academic Writing. *Asian EFL Journal*, 9(1), 164-176.

### **Biodata penulis**

Muhammad Faizul bin Abd Hamid merupakan pelajar Ijazah Doktor Falsfah di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Pengajian Wacana.

Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan di Pusat Literasi Transformasi, Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi dan geolinguistik.